

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 15**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan beban kerja guru. Adakah pemantauan dibuat terhadap pelaksanaan supaya kesannya dirasai oleh seluruh warga pengajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil serius isu beban tugas guru. Bagi mengurangkan beban tugas guru ini, KPM telah menjalankan sembilan (9) intervensi yang diperkenalkan melalui lima (5) inisiatif seperti yang telah diumumkan ketika Amanat Tahun Baharu 2019. Inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti;

1. memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks, Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah;
2. pengurusan data dan sistem *online*;
3. pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. penyeragaman borang dan proses pemantauan; dan
5. penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

## **NO. SOALAN : 15**

Bagi memantau dan menilai pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru (JMBTG) sedang melaksanakan kajian dan pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif yang telah diperkenalkan. Setakat ini, JMBTG telah mengenal pasti isu beban tugas guru secara menyeluruh dan telah menyusun strategi menangani beban tugas guru kepada inisiatif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Inisiatif menangani beban tugas guru bagi jangka masa sederhana akan dilaksanakan mulai Jun 2019 manakala inisiatif jangka panjang pula akan dilaksanakan selewat-lewatnya mulai tahun 2020. Dalam proses mengenal pasti isu dan menyusun strategi menangani beban tugas guru, KPM telah bekerjasama dengan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Majlis Guru Besar dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia. Keberkesanan strategi jangka pendek menangani beban tugas guru ini telah dipantau oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM.

Sekian, terima kasih

RJM 40